



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANGAN MENGGUNAKAN KENDERAAN MOTOKAR MILIK PERSENDIRIAN

Saya mengambil maklum bahawa terdapat keperluan bagi pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk meneliti perkara berkaitan individu yang telah hilang sumber pendapatan khususnya melibatkan pekerja ekonomi gig akibat pandemik COVID-19 agar mereka dapat terus menjalankan aktiviti pekerjaan alternatif dan perniagaan seterusnya menampung kehidupan diri dan keluarga masing-masing.

Justeru itu, saya telah meminta MOT dan agensi-agensi di bawahnya untuk meneliti perkara ini dan membangunkan peraturan yang bersesuaian agar aktiviti perniagaan mereka dapat diteruskan dalam persekitaran perniagaan yang dikawal selia di bawah undang-undang berkaitan. Namun, proses ini akan mengambil masa untuk dimuktamadkan.

Dalam tempoh masa penelitian ini, individu-individu yang menggunakan kenderaan sendiri sama ada motosikal atau kereta, yang menghantar barang / parcel atau barang makanan secara kecil-kecilan sama ada secara *part-time* mahupun *freelance* bolehlah meneruskan aktiviti mereka. Bagi yang menjalankan perkhidmatan kenderaan barang di bawah kategori Lori pembawa A dan Lori Pembawa C, hendaklah mendapatkan lesen pengendali seperti ditetapkan.

Pertimbangan ini adalah khusus bagi mengelakkan mereka yang terlibat secara *part-time* mahupun *freelance* terhenti daripada menjalankan aktiviti yang mendatangkan sumber pendapatan di dalam tempoh menangani pandemik COVID-19.

Dalam masa sama, saya menasihatkan agar mereka yang bekerja sendiri sama ada secara *part-time* atau *freelance* ini untuk mendapatkan perlindungan insurans di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri oleh PERKESO. Di samping itu, mereka yang memandu hendaklah sentiasa mematuhi semua peraturan jalan raya sepenuhnya.

Bagi pihak-pihak yang telah dilesenkan (mempunyai Lesen Pengendali atau Lesen Perniagaan Pengantaraan atau lesen kenderaan perdagangan) oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Lembaga Pelesenan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sabah dan Sarawak, mereka boleh memohon Lesen Perubahan Sementara (LPS) atau pertukaran sementara penggunaan kenderaan perkhidmatan awam yang akan membenarkan mereka menggunakan kenderaan yang dilesenkan sebagai kenderaan pengangkutan awam untuk digunakan sebagai kenderaan barang. Peraturan dan kaedah permononan mengenai perkara ini boleh diperolehi daripada agensi-agensi yang berkenaan.

Industri penghantaran barang makanan dan barang milik pihak ketiga sememangnya mempunyai potensi yang besar untuk berkembang dengan lebih meluas seterusnya membawa manfaat sosio-ekonomi kepada rakyat Malaysia, terutamanya melibatkan kumpulan B40. Industri perkhidmatan ini didapati telah menjadi satu norma baharu sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dijangka akan terus berkembang pesat di masa hadapan.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
19 JANUARI 2021**

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
 +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
 unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

